

26 JULAI 2021, 12:18 PM

Bajet 2022 fokus sektor terjejas 2 mins ago



LOG MASUK



TERKINI

NASIONAL

EKONOMI

LUAR NEGARA

GAYA

SUKAN

RENCANA

PREMIUM

3 kit ujian sendiri Covid-19 kini boleh dijual



POPULAR



Bajet 2022 fokus sektor terjejas

26 Julai 2021, 12:18 PM



Negeri fasa kedua PPN tidak kembali ke fasa



PETUGAS farmasi menunjukkan kit Covid-19 Ag Saliva Home Test keluaran SD Biosensors yang dijual di Farmasi V-Care, Putrajaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Oleh AMREE AHMAD 23 Julai 2021, 3:50 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan sudah memperakui kit ujian sendiri Covid-19 yang diberi kelulusan bersyarat pada 21 Julai lalu untuk diimport dan diedarkan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kit berkenaan kini sudah pun boleh dijual di semua farmasi komuniti berdaftar atau premis fasiliti kesihatan yang terdapat di negara ini.

“Mereka yang buat ujian sendiri itu bagaimanapun perlu memasukkan segera hasil keputusan diterima menerusi aplikasi MySejahtera sama ada negatif, positif atau status invalid,” katanya dalam sidang akhbar secara maya Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) bersama Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin.

2021, 12:17 pm



**Beberapa
Parlimen
berjaya
agih
bakul
makanan
tidak
sampai
seminggu**

26 Julai
2021, 12:09 pm

**Rekod
pertama**

26 Julai
2021, 12:13 pm

**Kerajaan
akan
membat
Ordinan
Darurat**

26 Julai 20
12:04 pm

[Dewan Rakyat: Speaker tidak setuju hujahan pembangkang](#)

[Solskjaer mahu Martial tinggalkan Old Trafford](#)

[‘Road to 20’ sangat menakutkan’](#)

[Dewan Rakyat: Ahli Parlimen pembangkang ‘lepas geram’](#)

Kit ujian air liur itu kesemuanya menggunakan kaedah RTK-Antigen yang dipasarkan Reszon Diagnostics International Sdn. Bhd., Citymedic Sdn. Bhd. dan Medinics (Malaysia) Sdn. Bhd.

Kecuali Reszon yang dihasilkan di kilang syarikat tempatan berkenaan di Selangor, dua lagi kit sendiri itu diimport khas masing-masing dari pengeluarannya di Korea Selatan dan China.

Ketiga-tiga produk tersebut turut didaftarkan Pihak Berkuasa Peralatan Perubatan Malaysia (MDA) dan sesuai untuk tujuan saringan pantas kerana keputusannya lebih cepat dan mudah.

“Ia juga boleh digunakan pihak berkuasa di pintu masuk antarabangsa negara kita selain bagi kemasukan pelajar ke pusat pengajian tinggi tempatan atau sekatan jalan raya,” kata Adham.

Malah beliau berkata, kit berkenaan sesuai untuk saringan pesalah yang ditangkap polis atau pendatang asing tanpa izin diberkas imigresen kerana hasil ujian diperoleh terus di lapangan.

Bagi yang dapat keputusan negatif tetapi bergejala, mereka diminta segera merujuk kepada Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) berhampiran atau klinik kesihatan untuk pemeriksaan lanjut.

Sementara mereka yang menerima keputusan positif pula, perlu juga melaporkan perkara itu kepada CAC berdekatan kediaman atau terus pergi klinik untuk proses pemantauan susulan.

[Dewan Rakyat: Ahli Parlimen UMNO kekal duduk di blok kerajaan](#)

[TNB Genco sumbang RM30,000 bantu mangsa kebakaran](#)

Bagaimanapun, jika keputusan invalid, mereka dikehendaki membuat ulang ujian sendiri itu sekali lagi dengan mengikut manual carta aliran pengurusan kit yang ada pada produk tersebut.

Penjualan kit itu jelas Adham, dijangka mampu mengurangkan kesesakan teruk di premis saringan, bahkan petugas terbabit pun boleh dimanfaatkan pula di pusat pemberian vaksinasi.

Menyentuh maklumat tular melalui media sosial kononnya ramai pesakit Covid-19 maut di Hospital Ampang, Selangor kerana bekalan tong oksigen kurang, beliau menafikan perkara itu.

“Berdasarkan laporan yang saya terima, pesakit terbabit sudah pun tahap 4 dan 5, manakala bekalan gas dihantar mengikut jadual berkala tetap dua kali sehari ke hospital itu,” tegasnya.

BERITA SELANJUTNYA



"Lepas kahwin saya
simpan segala kaset d...



Pelaburan Bitcoin
RM1,000 Yang Memb...



Lelaki perlekeh vaksin
Covid-19 maut akibat...



Inilah Cara Menjana
Wang dengan Bitcoin



Kit ujian sendiri Covid-19
dipasarkan tidak lama...



180 premis termasuk
kilang diarah tutup



'Operasi Selayang'
bermula, tindakan...




Tiga tahun jadi hamba
seks, pasangan suami...



Lelaki gantung diri
selepas dipercayai...

BERITA BERKAITAN





Bajet 2022 fokus sektor terjejas

26 Julai 2021, 12:17 pm



Beberapa Parlimen berjaya agih bakul makanan tidak sampai seminggu

26 Julai 2021, 12:09 pm



Negeri fasa kedua PPN tidak kembali ke fasa pertama

26 Julai 2021, 12:13 pm



Kerajaan akan membatalkan Ordinan Darurat

26 Julai 2021, 12:04 pm



LANGGANAN

